



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
Email : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 14/2013 (31 Mac hingga 6 April 2013)

Sepanjang minggu ke 14 tahun 2013, iaitu bagi tempoh 31 Mac hingga 6 April, sejumlah 442 kes demam denggi telah dilaporkan berbanding 440 kes pada minggu sebelumnya. Dalam tempoh tersebut, enam (6) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Kuala Lumpur & Putrajaya 18 kes (55%), Perak 12 kes (35%), Kelantan 7 kes (27%), Pahang 5 kes (83%), Negeri Sembilan 2 kes (22%) dan Perlis 1 kes (25%) (Lampiran A). Walaupun jumlah kes yang dilaporkan adalah hampir sama dengan minggu sebelumnya, 4 negeri telah menunjukkan peningkatan kes melebihi nilai median 5 tahun iaitu Perlis, Kedah, Johor dan Kelantan. Jumlah kumulatif kes denggi dilaporkan adalah 6,599, berbanding 7,038 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012, penurunan sebanyak 6.2% (439 kes). Jumlah kes kematian akibat denggi kekal sebanyak 14 kematian berbanding 17 kematian dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Sejumlah 82 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara yang melibatkan 10 negeri iaitu 41 lokaliti di Selangor, 15 lokaliti di Johor, 11 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 5 lokaliti di Perak, 2 lokaliti di Perlis, 2 lokaliti di Negeri Sembilan, 2 lokaliti di Kelantan, 2 lokaliti di Sarawak dan masing-masing 1 lokaliti di Sabah dan Pulau Pinang. Sejak minggu lepas, situasi wabak denggi menunjukkan peningkatan kawasan lokaliti wabak di

mana sebanyak 31 lokaliti wabak baru dilaporkan dengan peningkatan berlaku di Selangor, Johor dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya.

Hasil pemeriksaan KKM terhadap 71,921 buah premis di seluruh negara pada sepanjang minggu lepas mendapati 1,075 daripadanya ditemui pembiakan Aedes dengan nilai indeks pembiakan Aedes adalah 1.5%, melebihi nilai sensitif 1%. Sementara itu, lima (5) daerah didapati mencatatkan nilai indeks Aedes tertinggi iaitu Sibul (10.42%), Kuantan (9.17%), Tumpat (8.33%), Lubok Antu (7.89%) dan Kluang (7.29%). Dengan kadar pembiakan Aedes yang tinggi, tumpuan terhadap pembersihan kawasan persekitaran hendaklah dilakukan kerana risiko untuk berlaku jangkitan denggi adalah tinggi.

Sempena musim pilihanraya yang akan berlaku tidak lama lagi, KKM ingin menyeru kepada semua pihak yang terlibat agar bertanggungjawab menjaga kebersihan kawasan persekitaran terutama di tempat-tempat orang ramai berkumpul. Pergerakan orang ramai yang aktif pada musim ini boleh menyebabkan penularan jangkitan denggi berlaku dengan lebih cepat lagi jika terdapat banyak tempat-tempat pembiakan Aedes di sesuatu kawasan. Bekas-bekas seperti polisterin makanan, bekas minuman, plastik makanan ringan yang dibuang merata-merata oleh orang ramai boleh menjadi tempat pembiakan Aedes. Oleh itu, sila pastikan bekas-bekas seperti ini dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab. **Beringatlah, Aedes boleh membawa maut. Tiada Aedes, Tiada Denggi.**

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

10 April 2013

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 14/2013
(31 Mac hingga 6 April 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 14/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 14/2012
		Minggu 14 (31 Mac – 6 April 2013)	Minggu 13 (24 - 30 Mac 2013)		
1	Perlis	5	4	44	62
2	Kedah	13	16	200 (1)	198 (1)
3	P. Pinang	11	16	200	259 (1)
4	Perak	46	34	565	505 (1)
5	Selangor	177	192	2,848 (1)	3,164 (9)
6	WPKL & Putrajaya	51	33	499 (3)	740 (3)
7	N. Sembilan	11	9	125	118 (1)
8	Melaka	4	10	132	210
9	Johor	50	57	623 (6)	463
10	Pahang	11	6	163	213
11	Terengganu	1	6	55	273
12	Kelantan	33	26	380	411
13	Sarawak	19	20	538 (2)	286
14	Sabah	10	11	227 (1)	131 (1)
15	WP Labuan	0	0	0	5
	Jumlah	442	440	6,599 (14)	7,038 (17)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.